

MINIT MESYUARAT
KES 45818 : KETIADAAN TINDAKAN OLEH MPSJ KE ATAS PONDOK
PENGAWAL YANG DIBINA TANPA MENGIKUT PERATURAN
DI TAMAN PUCHONG HARTAMAS

TARIKH : **10 November 2009**
MASA : **8.30 – 10.30 pagi**
TEMPAT : **Bilik Mesyuarat BPA Negeri Selangor**

HADIR :

1. Encik Ahmad Samuri bin Hj. Mohd Dahlan Pengarah Biro Pengaduan Awam Negeri Selangor Pengerusi
2. Encik Shah Rizan Mohd Sirat Pengarah Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR)
3. Puan Marhaini Othman Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR)
4. Encik Slamat Hamzah Setiausaha Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ)
5. Encik Azfarizal bin Abdul Rashid Bahagian Korporat Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ)
6. Encik Abd Rashid bin Abu Bakar Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ)
7. Encik Mohd Shahrin bin Sabaruddin Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ)
8. Encik Nor Azmi Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ)
9. Encik Nadzri bin Kasimoyee Pejabat Tanah & Daerah Petaling
10. Encik Charles Winston Pengadu

1 PENDAHULUAN

Pengerusi mengucapkan selamat datang kepada semua hadirin yang hadir ke mesyuarat ini. Beliau terlebih dahulu menerangkan bahawa tujuan mesyuarat ini adalah untuk membincangkan masalah pembinaan pondok pengawal yang tidak mengikut peraturan di Taman Puchong Hartamas, Puchong.

2 LATAR BELAKANG

- 2.1 Taman Puchong Hartamas merupakan kawasan perumahan yang terletak di Bandar Puteri Puchong, Selangor Darul Ehsan.
- 2.2 Masalah timbul apabila pondok pengawal dibina di kawasan ini tanpa mengikut peraturan dan dipercayai lokasi pondok pengawal ini turut membahayakan pengguna jalan raya di kawasan tersebut.

Makluman

3 HAL-HAL BERBANGKIT

Pihak Pengadu Mendakwa Tiada Sebarang Tindakan Dari MPSJ Dan Pemaju Walaupun Mesyuarat Pernah Diadakan Untuk Menyelesaikan Aduan Ini

- 3.1 Pemaju dikatakan enggan memindahkan lokasi pondok pengawal ini kerana kes ini masih di bawah tindakan mahkamah.
- 3.2 Ketiadaan sebarang undang-undang berhubung 'Gated & Guarded Community' menyebabkan MPSJ tiada kuasa untuk

memberi kelulusan tetapi hanya mengambil maklum setiap kali permohonan dari penduduk diterima.

- 3.3 JKJR turut memperakukan bahawa lokasi pondok pengawal yang digunakan sekarang adalah tidak sesuai dan boleh membahayakan pengguna jalan raya.
- 3.4 Perpindahan lokasi pondok pengawal dari lokasi asal ke satu lokasi baru turut menimbulkan masalah dari segi syarat TOL.
- 3.5 MPSJ mengambil keputusan untuk mengadakan mesyuarat bersama pemaju dan pihak lain yang terlibat dalam masa terdekat untuk memutuskan sama ada pondok pengawal yang sedia ada dirobohkan atau diubah ke lokasi lain.

Tindakan : MPSJ

Makluman Kepada Pihak Pengadu dan BPA

- 3.6 Sebarang perkembangan terkini atau surat yang dikeluarkan berhubung isu ini perlu dikemaskini atau disalinkan kepada pihak pengadu dan BPA.

Tindakan : MPSJ

4 PENANGGUHAN MESYUARAT

Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 10.30 pagi dengan ucapan terima kasih dari Tuan Pengerusi.

Disediakan oleh:

**Urus Setia
BPA Negeri Selangor**

13 November 2009